

Tauhid – Ilmu Tauhid

Jawab SEMUA soalan. Pilih jawapan yang betul sama ada 'A', 'B', 'C' atau 'D' di dalam petak yang disediakan.

1. Nama lain selain Ilmu Tauhid _____

- A. Ilmu Hisab
- B. Ilmu Alam
- C. Ilmu Usuluddin
- D. Ilmu Syariah

☐

2. Rukun Iman ada berapa perkara?

- A. 3
- B. 6
- C. 7
- D. 8

☐

3. Ilmu Tauhid ada _____ nama.

- A. 2
- B. 4
- C. 3
- D. 5

☐

4. Ilmu _____ mengandungi pelbagai pendapat tentang Kalamullah.

- A. Fiqh
- B. Usuluddin
- C. Kalam
- D. Ma'rifat

☐

5. Ilmu yang menghuraikan sifat-sifat Allah Subhanahu wa Ta'ala dikenali dengan nama ilmu _____.

- A. Usuluddin
- B. Tauhid
- C. Ma'rifat
- D. Kalam

☐

6. Rukun iman yang kedua ialah _____.
- A. Percaya kepada Rasul
 - B. Percaya kepada Allah
 - C. Percaya kepada Kitab
 - D. Percaya kepada Malaikat
7. Ilmu Usuluddin ialah ilmu yang menghuraikan perkara asas dalam ugama, iaitu _____ kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.
- A. ketaqwaan
 - B. kepercayaan
 - C. keimanan
 - D. keta'atan
8. Untuk mengenal Allah Subhanahu wa Ta'ala wajib bagi kita mempelajari _____ Nya.
- A. nama-nama-Nya
 - B. keesaan-Nya
 - C. kekuasaan-Nya
 - D. sifat-Nya
9. Berikut adalah kepercayaan yang terkandung dalam rukun iman KECUALI
- A. Percaya kepada Allah
 - B. Percaya kepada Malaikat
 - C. Percaya kepada Kitab
 - D. Percaya kepada Hari Kematian
10. Sifat-sifat Allah terbahagi kepada _____ bahagian.
- A. dua
 - B. tiga
 - C. empat
 - D. lima